

08/04/2004

Pelajar rayu kampus tetap KUIM disegera

Riviera II

APA yang membanggakan mahasiswa adalah kewujudan sebuah kementerian yang amat bermakna bagi kami iaitu Kementerian Pengajian Tinggi yang dipimpin Datuk Dr Shafie Salleh yang terkenal dengan ketokohnya.

Bagi kami di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) khususnya, pelantikan bekas Timbalan Rektor kami Profesor Datuk Dr Abdullah Mohamed Zin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut menjadi kebanggaan.

Semoga dengan adanya bekas Timbalan Rektor kami dalam Kabinet dan kewujudan Kementerian Pengajian Tinggi nasib kami di KUIM akan lebih terbela dan dapat menikmati kampus tetap di Nilai secepat mungkin.

Khabarnya pembinaan kampus itu dihentikan selepas dirasmikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Saya mencadangkan Dr Shafie melawat kami dan meninjau suasana pembelajaran kami di kampus sementara di Pandan Indah yang tidak sesuai sebagai IPTA.

Kami memerlukan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan tenang, dalam masalah ini kami berasa dianaktirikan berbanding IPTA lain.

RIVIERA II,
Pandan Indah, Selangor.